



23 Jun 2023
23 June 2023
P.U. (A) 188

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI PERBELANJAAN YANG DILAKUKAN
BAGI PENYEDIAAN PROGRAM LATIHAN YANG
DILULUSKAN) (PINDAAN) 2023

*INCOME TAX
(DEDUCTION FOR EXPENDITURE INCURRED FOR
PROVISION OF APPROVED INTERNSHIP PROGRAMME)
(AMENDMENT) RULES 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI PERBELANJAAN YANG DILAKUKAN BAGI PENYEDIAAN PROGRAM
LATIHAN YANG DILULUSKAN) (PINDAAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan 33 (1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan yang Dilakukan bagi Penyediaan Program Latihan yang Diluluskan) (Pindaan) 2023**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2022.

Pindaan kaedah 2

2. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan yang Dilakukan bagi Penyediaan Program Latihan yang Diluluskan) 2019 [*P.U. (A) 398/2019*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam perenggan 2(b) dengan menggantikan perkataan “tahun taksiran 2021” dengan perkataan “tahun taksiran 2025”.

Pindaan kaedah 3

3. Kaedah 3 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam takrif “institusi pendidikan tinggi”, dengan menggantikan perkataan “Kementerian Pendidikan, Malaysia” dengan perkataan “Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia atau institusi pendidikan luar Malaysia yang diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia”;

(b) dengan menggantikan takrif “kursus yang layak” dengan takrif yang berikut:

‘ “kursus yang layak” ertinya suatu program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (minimum Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1) atau yang setaraf dengannya yang ditawarkan dalam atau luar Malaysia dan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau Jabatan Pembangunan Kemahiran’;

(c) dalam takrif “pelajar”—

(i) dalam subsubperenggan (b)(i)(A), dengan menggantikan perkataan “diploma atau ijazah” dengan perkataan “diploma, ijazah Sarjana Muda atau ijazah Sarjana atau yang setaraf dengannya, atau sijil profesional”; dan

(ii) dalam subsubperenggan (b)(i)(B), dengan menggantikan perkataan “diploma atau ijazahnya” dengan perkataan “diploma, ijazah Sarjana Muda atau ijazah Sarjana atau yang setaraf dengannya, atau sijil profesionalnya”; dan

(d) dalam takrif “program latihan yang diluluskan” dengan menggantikan perkataan “Kementerian Pendidikan, Malaysia” dengan perkataan “Kementerian yang berkaitan”.

Pindaan kaedah 4

4. Kaedah 4 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah (2)—

(i) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) bayaran elaun latihan bulanan kepada—

- (i) pelajar peringkat Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 hingga 4 atau diploma atau yang setaraf dengannya, sekurang-kurangnya lima ratus ringgit; atau
 - (ii) pelajar peringkat Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 5 atau ijazah Sarjana Muda atau ijazah Sarjana atau yang setaraf dengannya, atau sijil profesional, sekurang-kurangnya enam ratus ringgit;”;
- (ii) dalam perenggan *(b)*, dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;
- (iii) dalam perenggan *(c)*, dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan *(c)* perenggan yang berikut:
- “*(d)* perbelanjaan yang dilakukan bagi kos digital dan komunikasi.”; dan
- (b)* dalam subkaedah (3), dengan menggantikan perkataan “perenggan 2*(b)* dan *(c)*” dengan perkataan “perenggan 2*(b)*, *(c)* dan *(d)*”.

Dibuat 26 Mei 2023

[MOF.TAX(S)700-2/1/185; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-220; PN(PU2)80/Jld.108]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE INCURRED FOR PROVISION OF APPROVED
INTERNSHIP PROGRAMME) (AMENDMENT) RULES 2023

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 154(1)(b) and 33(1)(d) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Expenditure Incurred for Provision of Approved Internship Programme) (Amendment) Rules 2023**.

(2) These Rules have effect from the year of assessment 2022.

Amendment of rule 2

2. The Income Tax (Deduction for Expenditure Incurred for Provision of Approved Internship Programme) Rules 2019 [*P.U. (A) 398/2019*], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in paragraph 2(b) by substituting for the words “the year of assessment 2021” the words “the year of assessment 2025”.

Amendment of rule 3

3. Rule 3 of the principal Rules is amended—

(a) in the definition of “higher educational institution”, by substituting for the words “the Ministry of Education, Malaysia” the words “the Ministry of Higher Education, Malaysia or educational institution outside Malaysia which is recognized by the Ministry of Higher Education, Malaysia”;

(b) by substituting for the definition of “qualified course” the following definition:

‘ “qualified course” means a technical and vocational education and training programme (minimum Malaysian Skills Certificate Level 1) or its equivalent which is offered in or outside Malaysia and is recognized by the Malaysian Qualifications Agency or the Department of Skills Development’;

(c) in the definition of “student”—

(i) in subparagraph (b)(i)(A), by substituting for the words “a diploma or degree” the words “a diploma, Bachelors degree or Masters degree or its equivalent, or a professional certificate”; and

(ii) in subparagraph (b)(i)(B), by substituting for the words “his diploma or degree” the words “his diploma, Bachelors degree or Masters degree or its equivalent, or a professional certificate”; and

(d) in the definition of “approved internship programme” by substituting for the words “the Ministry of Education, Malaysia” the words “the related Ministry”.

Amendment of rule 4

4. Rule 4 of the principal Rules is amended—

(a) in subrule (2)—

(i) by substituting for paragraph (a) the following paragraph:

“(a) payment of the internship monthly allowance to—

(i) a student of Malaysian Skills Certificate Level 1 until 4 or diploma level or its equivalent, of not less than five hundred ringgit; or

- (ii) a student of Malaysian Skills Certificate Level 5 or Bachelors degree or Masters degree or its equivalent, or professional certificate level, of not less than six hundred ringgit;”;
- (ii) in paragraph (b), by deleting the word “and” at the end of the paragraph;
- (iii) in paragraph (c), by substituting for the full stop at the end of the paragraph the words “; and”; and
- (iv) by inserting after paragraph (c) the following paragraph:
 - “(d) expenditure incurred for digital and communication costs.”;
 - and
- (b) in subrule (3), by substituting for the words “paragraphs 2(b) and (c)” the words “paragraphs 2(b), (c) and (d)”.

Made 26 May 2023

[MOF.TAX(S)700-2/1/185; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-220; PN(PU2)80/Jld.108]

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]